

**"JIWA YANG BERADA DI DALAM
KETAKUTAN TIDAK MENGENAL ERTI
KEBEBASAN..."**

Apakah yang boleh anda lakukan?

- Pelajari keganasan terhadap wanita dengan membaca dan menjadi ahli kumpulan yang membawa kesedaran keatas keganasan terhadap wanita.
- Kempen dan melobi kerajaan untuk menggubal undang-undang yang efektif terhadap keganasan terhadap wanita.
- Memberi khidmat sebagai sukarelawan dengan menyumbang tenaga dan masa anda di pusat krisis.
- Jika anda adalah seorang lelaki, awasi gerak-laku anda. Binalah rasa hormat terhadap wanita. Mulakan dengan wanita disekeliling kamu — ibu anda, adik, kakak, kawan atau rakan sekerja. Jangan menyumbang kepada jenaka yang menjatuhkan maruah wanita terutamanya keatas mangsa rogol.
- Sedari cara anda mendidik anak. Adakah anda memberitahu anak perempuan anda bahawa dia adalah kuat dan cerdas, bukan hanya cantik? Pernahkah anda memberitahu anak lelaki anda bahawa mereka boleh menangis dan keganasan bukanlah satu jalan keluar dari masalah?
- Kita harus memahami bahawa nilai tanpa keganasan seperti sikap pemurah, penyabar, toleransi dan prihatin adalah nilai kemanusiaan dan ia tidak bergantung atas "gender".
- Lelaki dan wanita harus belajar menghormati antara satu sama lain dan tidak memainkan peranan dominan dan taat yang spesifik.

**Bagi membentuk masyarakat yang
tiada perbezaan hak dan bebas dari
keganasan terhadap wanita, langkah
pertama bermula dengan anda.**

SUMBER DAN BANTUAN

All Women's Action Society (AWAM)
85, Jalan 21/1, SEA Park
46300 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7877 4221 Email: awam@po.jaring.my

TELEDERA: 1800-883 040

WOMEN'S AID ORGANISATION

Tel: 03 7956 3488

WOMEN'S CRISIS CENTRE, PENANG

Tel: 04 228 0342

SABAH WOMEN ACTION RESOURCE GROUP

Tel: 088 238 000

SARAWAK WOMEN FOR WOMEN SOCIETY

Tel: 082 416 053



**KEGANASAN
Terhadap Wanita**

**Kesedaran
Kefahaman
Tindakan**

**Persatuan Pergerakan Wanita
(AWAM)**

Apakah keganasan terhadap wanita?

Keganasan atau ancaman keganasan adalah sesuatu yang dialami oleh setiap wanita — tanpa mengira umur, warna kulit, kepercayaan agama, harta atau status sosial.

Dan ia boleh berlaku di mana-mana...

di jalanraya, di tempat kerja,

di rumah

Sebagai contoh...

- Di jalanraya, peragut menjadikan wanita sasaran mereka.
- Di tempat kerja, gangguan seksual selalu berlaku ke atas wanita.
- Wanita tidak selalunya selamat berada di rumah mereka sendiri — dia boleh dipukul oleh suaminya.
- Sumbang muhrim juga berlaku di dalam kawasan rumah yang “selamat”.

Siapakah yang boleh menjadi penjenayah?

Penjenayah boleh terdiri daripada orang yang tidak dikenali atau ahli keluarga seperti suami, bapa, abang, adik lelaki atau pakcik wanita. Dia juga mungkin seorang yang dikenali rapat seperti teman lelaki, atau seorang yang dipercayai seperti kawan atau rakan sekerja.

Bagaimana ia berbeza dari keganasan yang lain?

Keganasan terhadap wanita adalah keganasan terhadap “gender”. Ia adalah keganasan yang tertumpu terhadap wanita kerana ketidakseimbangan taraf lelaki dan wanita dalam masyarakat.

Keganasan boleh terbentuk dalam pelbagai cara...

KEGANASAN RUMAHTANGGA

ROGOL

GANGGUAN SEKSUAL

KEGANASAN RUMAHTANGGA

Ramai wanita was-was untuk keluar berseorangan kerana takut dirinya diserang — tetapi, adakah wanita selamat di rumah? Ramai wanita yang menjadi mangsa si suami. Ini adalah masalah yang amat merunsingkan kerana ia telah berleluasa dan kebanyakan kes tidak dilaporkan.

Walaupun di negara kita terdapat Akta Keganasan Rumahtangga, masih ramai wanita yang terseksa dalam diam. Penderaan yang bertahun-tahun lamanya dialami kerana tekanan masyarakat dan penggantungan ekonomi terhadap suami.

Keganasan rumahtangga boleh terbentuk dalam cara fizikal, emosi atau seksual. Memaksa hubungan seksual keatas isteri juga adalah satu bentuk keganasan. Keganasan fizikal merangkumi dari tamparan ke pukulan, dan selalunya akan berakhir dengan kecederaan yang serius. Terdapat kes di mana wanita telah dipukul sehingga mati oleh pasangannya.

ROGOL

Rogol adalah keganasan dan untuk menunjukkan kekuasaan, bukan seks. Rogol adalah senjata yang digunakan untuk memperkecilkan dan menjatuhkan maruah wanita. Ketakutan ke atas rogol telah ditanami di dalam jiwa setiap wanita di semua lapisan umur.

Disebalik kepercayaan umum, kebanyakan rogol dilakukan oleh mereka yang dikenali oleh wanita...lebih 75% menurut laporan polis. Rogol tiada kaitan dengan kelakuan atau cara berpakaian seorang wanita.

Hukuman keatas rogol adalah penjara 5 hingga 20 tahun. Hubungan seks dengan gadis di bawah 16 tahun samada dengan kerelaannya atau tidak, adalah rogol.

GANGGUAN SEKSUAL

Gangguan seksual adalah sebarang ungkapan yang sengaja, gerak tubuh atau perlakuan yang berunsur seksual, yang tidak dikehendaki, diundang atau diminta. Ia boleh mengganggu emosi, fizikal dan maruah seseorang wanita.

Gangguan seksual boleh berlaku dimana-mana... contohnya di jalanraya, di dalam bas atau teksi, di panggung wayang atau di tempat kerja. Gangguan seksual boleh terdiri dari kombinasi fizikal, percakapan, pandangan atau gangguan psikologi.

Kenapa ia berlaku?

Ramai wanita mengambil kelas pertahanan diri untuk mempertahankan diri mereka. Ini adalah satu langkah yang bijak. Walaubagaimanapun, terdapat masalah yang lebih besar ke atas perbezaan status diantara wanita dan lelaki di dalam masyarakat.

Pangkat yang tinggi di dalam politik, ekonomi dan agama masih dipegang oleh kaum lelaki walaupun jumlah wanita adalah separuh dari jumlah masyarakat.

Adat kita dan kebanyakan agama meletakkan wanita di tahap yang rendah — status sosial, mutu kehidupan dan taraf kehidupan adalah bergantung atau dikawal oleh lelaki.

Keganasan mudah berlaku keatas wanita kerana taraf rendah wanita. Keganasan terhadap wanita adalah satu ekspresi kekuasaan lelaki ke atas wanita.

Apakah kesan keganasan terhadap wanita?

- Ia mematahkan semangat seseorang wanita yang pernah mempunyai keyakinan diri.
- Ia menyekat pergerakan bebas wanita.
- Ia menyekat potensi wanita.